

PM: Negara alami perkembangan membanggakan

©

KUALA LUMPUR, 16 Disember 1993

Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, semua petunjuk ekonomi dan pembangunan menunjukkan Malaysia mengalami perkembangan yang amat membanggakan dalam tempoh separuh penggal pertama Rancangan Malaysia Keenam (RM Ke-6).

Menurutnya, kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia pada paras 8.1 peratus dalam tempoh tiga tahun lalu adalah yang kedua tertinggi di Asia selepas China, melebihi sasaran yang ditetapkan di bawah RM Ke-6.

Pendapatan per kapita pula meningkat daripada RM6,238 pada tahun 1990 kepada RM8,350 pada tahun 1993. Per kapita bertambah sebanyak RM2,112, satu perkembangan menarik memandangkan ekonomi dunia berada dalam keadaan lembap.

Dr. Mahathir berkata, semua sektor dalam ekonomi mencapai prestasi yang lebih tinggi daripada matlamat asal rancangan pembangunan lima tahun yang bermula pada 1990. Dua sektor sahaja yang kurang menggalakan iaitu sektor pertanian dan perlombongan.

Berucap membentangkan usul

mengenai Kajian Separuh Penggal RM Ke-6 di Dewan Rakyat petang ini, Perdana Menteri berkata, dengan perkembangan ekonomi itu, Malaysia boleh memandang ke hadapan dengan lebih yakin dalam usaha mengejar matlamat Wawasan 2020.

[TEKS UCAPAN PENUH DI MUKA 6]

Katanya, penggerak utama pertumbuhan ekonomi negara ialah permintaan dalam negeri yang kukuh, sumbangan sektor swasta dan prestasi eksport yang baik yang berkembang pada kadar 10.6 peratus setahun melebihi matlamat RM Ke-6 sebanyak 6.4 peratus.

Satu ciri yang lebih membanggakan dalam pembangunan negara ialah kepesatan pertumbuhan ekonomi itu dicapai dengan kadar inflasi yang rendah dan harga yang stabil. Menurut Dr. Mahathir, kadar inflasi pada tahun 1993 kekal pada paras 3.8 peratus.

"Pembangunan ekonomi yang pesat ini telah mewujudkan 725,000 pekerjaan baru manakala pengangguran berkurangan daripada 5.1 peratus pada tahun 1990 kepada 3.0 peratus pada tahun 1993, iaitu satu tahap

■ Lihat muka 2

PM: Negara alami perkembangan membanggakan

guma tenaga penuh, katanya.

Dalam ucapan selama satu jam 45 minit, Perdana Menteri menjangka dengan kedudukan ekonomi sekarang, pertumbuhan akan berkembang pada paras 8.0 peratus setahun bagi tempoh 1994-1995.

Dr. Mahathir berkata, perkembangan ini akan menghasilkan kadar pertumbuhan sebanyak 8.1 peratus bagi keseluruhan RM Ke-6. Kadar ini akan menaikkan pendapatan per kapita Malaysia kepada RM9,950 pada akhir tahun 1995.

Bagaimanapun, Perdana Menteri mengingatkan, dalam tempoh yang sama prestasi ekonomi negara akan turut dipengaruhi oleh ekonomi dunia yang masih dibelenggu oleh krisis ekonomi.

"Sungguhpun prestasi sektor swasta menggalakan dalam tempoh pertama RM Ke-6 berikutan termasuk pelaburan asing yang besar, sumber pelaburan ini mungkin terjejas

oleh persaingan yang semakin meningkat dari negara-negara ASEAN dan ekonomi yang baru muncul," katanya.

Menurut Dr. Mahathir, pada akhir RM Ke-6 tumpuan sewajarnya akan diberikan terhadap pelaburan syarikat-syarikat Malaysia di luar negara. Bagi tujuan ini kerajaan akan mengeluarkan garis panduan untuk membolehkan usaha itu dimanfaatkan oleh negara.

Perdana Menteri berkata, perhatian juga akan dijalankan untuk memantapkan imbalan pembayaran. Katanya, perhatian yang lebih diberikan untuk mengurangkan defisit yang dialami dalam akuan perkhidmatan.

Katanya, salah satu cadangan penting ke arah mengurangkan defisit itu ialah memajukan bidang pendidikan hingga dapat menjadikannya satu perkhidmatan yang boleh dieksport.

"Kerajaan akan mengkaji kemungkinan institusi pendidikan swasta

menganugerahkan ijazah dan membolehkan institusi luar negara ternama menubuhkan kampus cawangan di negara ini (bagi mengurangkan defisit)," kata Dr. Mahathir.

Dalam ucapannya, Dr. Mahathir menyentuh prospek semua sektor ekonomi — daripada inflasi, tabungan, pembasmian kemiskinan, kegiatan sektor swasta, penglibatan bumiputera dalam pasaran saham dan sebagainya. Antara isu yang disentuh ialah:

- Kerajaan akan memperkenalkan kemudahan tabungan yang inovatif dan menarik untuk mengekalkan kadar tabungan domestik. Inflasi juga akan dibendung untuk mempertahankan kuasa beli mata wang Ringgit;

- Pelaburan dalam sumber manusia mestilah dilaksanakan segera dan kemudahan latihan di kedua-dua sektor swasta dan awam harus digunakan untuk melatih rakyat negara ini dalam pembangunan diri;

- Rancangan jangka panjang bagi pendidikan tinggi akan diwujudkan dan pada masa depan sektor swasta akan memainkan peranan yang lebih besar dalam penyediaan pendidikan di peringkat tinggi. Institusi latihan yang sekarang dikendalikan oleh syarikat besar seperti Petronas, TNB dan Telekom Malaysia akan juga dinaikkan taraf menjadi institusi pendidikan tinggi.

Dr. Mahathir mengakhiri ucapannya di Dewan Rakyat dengan mengingatkan rakyat Malaysia supaya menyesuaikan diri dengan persekitaran yang sentiasa berubah di dalam negara dan di peringkat antarabangsa.

"Kejayaan ekonomi dan pembangunan Malaysia bergantung kepada penyertaan seluruh rakyat, motivasi dan komitmen mereka untuk melaksanakan agenda pembangunan negara ke arah pencapaian yang cemerlang," katanya.